

PPIM saran tindakan tegas pada ‘orang tengah’ naikkan harga durian

Ahmad Muliady Abdul Majid, Bernama | Diterbitkan Hari ini 12:16 tengahari | Dikemaskini Hari ini 12:16 tengahari



Aiman Amerul Munir | malaysiakini.com

Rungutan harga durian mahal dan membebankan pengguna berpendapatan rendah dan sederhana akan terus berulang sekiranya tiada tindakan pihak berkuasa terhadap ‘orang tengah’ yang sewenang-wenangnya menaikkan harga, kata Presiden Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Datuk Nadzim Johan.

“Bagi pendapat saya, selain penguatkuasaan undang-undang dan tindakan tegas terhadap penjual yang menipu dalam timbangan.

“Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) boleh mengambil tindakan awal seperti menganjurkan kursus asas etika perniagaan kepada mereka yang ingin terlibat sebagai orang tengah dalam pasaran durian tempatan,” katanya ketika dihubungi Bernama di Melaka hari ini.

Nadzim berkata beliau tidak menafikan bahawa peranan orang tengah penting bagi membawa masuk bekalan durian dari kebun-kebun ke pasaran, namun tidak wajar sekiranya mereka mengambil untung berlipat kali ganda sehingga membebangkan pengguna.

“Mengambil untung tidak salah, namun janganlah sampai membebangkan pengguna yang akhirnya merugikan semua pihak,” katanya yang turut mencadangkan pihak kerajaan memberi pendidikan awal etika perniagaan untuk melahirkan peniaga yang jujur.



Anne Muhammad | malaysiakini.com

"Daripada permerhatian saya, agak sukar mencari peniaga yang jujur di negara ini, jadi perkara ini perlu segera diperbaiki bagi melahirkan peniaga yang mempunyai etika pada masa depan," katanya.

"Tidak wajar sekiranya pengguna terus memboikot peniaga yang menjual durian secara timbang sebaliknya mereka perlu memberi peluang kepada pihak berkuasa untuk bertindak terlebih dahulu.

"Atau pengguna boleh mengambil tindakan tidak membeli durian timbang terlebih dahulu sehingga harga turun atau membeli terus daripada pekebun bagi mendapat harga yang lebih rendah," katanya ketika diminta mengulas mengenai desakan beberapa pihak meminta pengguna memboikot peniaga yang menjual durian secara timbang.

Beliau menggalakkan pekebun dan penanam durian menjual terus hasil tanaman mereka kepada pengguna bagi mengecilkan kuasa orang tengah yang ingin mendapat keuntungan lebih.

Sementara itu, tinjauan rambang *Bernama* mendapati kebanyakan pengguna dan pekebun durian menyalahkan 'orang tengah' atau pemberong dalam isu kenaikan harga durian kerana mereka membeli pada harga rendah tetapi menjualnya pada harga berlipat kali ganda.

Seorang peminat durian dari Bukit Baru, Melaka yang ingin dikenali sebagai Rizal, 42, berkata adalah tidak adil peniaga menjual durian secara timbang kerana yang berat bukan isi tetapi kulitnya.

"Jika ditimbang, sebiji durian bersaiz sederhana boleh mencapai berat sehingga dua kilogram, harga pasaran durian kampung adalah sekitar RM6 hingga RM8 sekilo, jadi pengguna perlu membayar sekitar RM16 hingga RM20 sebiji dan ia agak mahal untuk durian kampung," kata bapa kepada empat orang anak itu.

Peniaga durian yang hanya ingin dikenali sebagai 'Hassan', 40, berkata, beliau yang pernah menjadi orang tengah tahun lepas berpendapat harga pasaran durian sekarang tidaklah terlalu mahal dan pengguna mempunyai pilihanan untuk membeli durian mengikut gred dan jenis.

Pemborong bukan sengaja hendak menaikkan harga tetapi perlu untuk menampung kos pengangkutan dan risiko buah rosak, katanya dan menambah, harga antara RM6.40 dan RM7 sekilo adalah berpatutan kerana pekebun memerlukan modal besar untuk menanam dan menjaga pokok durian dan bukan semua orang mampu melakukannya.

- Bernama

